

PM arah EPU, ICU rangka pelan basmi kemiskinan tegar

Langkah seiring
pakatan global
atasi isu supaya
dapat dimanfaatkan
masyarakat
antarabangsa

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) diarahkan merangka pelan pembasmian kemiskinan tegar dan kelaparan untuk manfaat bersama masyarakat antarabangsa, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menjelaskan langkah itu seiring dengan pakatan global yang komited dalam menangani isu berkenaan, termasuk usaha yang sedang direncanakan oleh Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva.

“Saya percaya kita (akan) kemukakan kerangka kerja dan pelaksanaan program di Malaysia untuk dikaji dan diteliti bersama.

“Jadi, saya telah minta ICU, EPU dan badan terbabit dalam kerajaan untuk merangka program dan boleh dimanfaatkan oleh mereka,” katanya pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Perdana Menteri juga mengarahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meningkatkan kerjasama dengan badan pencegahan antarabangsa.

Katanya, ini selepas negara seperti Peru dan Brazil menyatakan minat untuk mengukuhkan kerjasama dengan SPRM dalam bidang berkaitan.

“Begitu juga tentang antirasuah. Saya juga telah minta SPRM bersedia kerana Peru dan Brazil minta kerjasama ditingkatkan antara badan pencegahan rasuah Peru dan Brazil dengan Malaysia,” katanya.

Anwar berkata, usaha tegas Malaysia dalam membasmi rasuah mendapat pengiktirafan antarabangsa menerusi keyakinan kerajaan Qatar yang meminta kerjasama SPRM merangka program pembanterasannya rasuah di negara Islam.

“Antirasuah sekarang sudah meningkat imej kita. Bukan sa-

haja dari segi indeks persepsi rasuah, tapi pengiktirafan negara luar yang minta kita kerjasama.

“Minggu depan, kerajaan Qatar minta satu rombongan utama membabitkan menteri dan SPRM untuk bekerjasama merangka program pembanterasannya rasuah di negara Islam. Itu ditugaskan kepada SPRM atas pengiktirafan mereka,” katanya.

Anwar berkata demikian menjawab soalan Datuk Awang Hashim (PN-Pendang).

Dalam pada itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan menjelaskan, perkhidmatan awam kini melalui proses perubahan yang drastik.

“Sebab itu kita mulakan dengan skim persaraan perkhidmatan awam, untuk mengiktiraf peranan mereka dan menuntut perubahan. Senaraikan tahap kecekapan. (Contohnya) JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan) berapa lama masa kelulusan, lesen untuk pendaftaran syarikat dan universiti swasta.

“Semua ini diambil kira dalam proses ini (perubahan drastik perkhidmatan awam), termasuk mengenai program untuk memastikan tahap kecekapan meningkat, tidak ada makna kalau reformasi, tapi tahap kecekapan pada tahap lama,” katanya.